PT3 Praktis 2: Kata Adjektif

Buku Teks: m.s. 11, 66, 119, 174

Bahagian A

A. Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang *paling sesuai*.

1 Meskipun baru berusia empat tahun, anak Puan Jesmin agak _____ bercakap.
A cepat **C** petah
B laju **D** lancar

2 Daging kambing panggang itu tidak dapat dimakan kerana terlalu _____.
A liat **C** empuk
B kental **D** kejang

3 Pihak Kedutaan Malaysia sentiasa berhubung _____ dengan penuntut-penuntut Malaysia di luar negara.
A rapat **C** dekat
B erat **D** padat

4 Kami terpaksa mendaki bukit dan menuruni lurah yang _____.
A tinggi **C** curam
B landai **D** rendah

5 Hang Tuah dan Hang Jebat menunjukkan gerak yang _____ dalam pertarungan itu.
A lincah **C** cemas
B tangkas **D** licin

6 Datuk sedang menebas rumput-rumpai yang tumbuh _____ di belakang rumah.
A mekar **C** lebar
B luas **D** liar

B. Pilih ayat yang menggunakan *perkataan berhuruf condong* dengan betulnya.

1 I Perselisihan yang timbul telah *buruk* hubungan antara kedua-dua pemimpin negara yang sedang bergolak itu.
II Keadaan ekonomi negara akan bertambah *buruk* sekiranya pandemik COVID-19 tidak dapat diatasi.
III Tabiat *buruk* Haikal menyebabkan dia kurang disenangi rakan-rakannya.
IV Orang tua itu tinggal di sebuah pondok *buruk*.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

2 I Kami menghirup udara yang *segar* di puncak bukit itu.
II Sayur-sayuran yang dijual di pasar tani itu sungguh *segar*.
III Nasihat yang pernah diberikan kepada saya pada suatu ketika dahulu masih *segar* dalam ingatan.
IV Bangunan lama di pekan itu kelihatan *segar* setelah dicat.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Bahagian B

Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat *satu kesalahan ejaan*. Kenal pasti kesalahan tersebut dan *tulis* ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Penyakit batuk yang saya hidap sejak bulan lepas telah semboh.

_____

(ii) Zafrul berasa kekuk ketika menghadiri majlis perkahwinan kerabat diraja itu.

_____

(iii) Pemuda itu dikatakan bersikap anih sebelum kehilangannya secara misteri minggu lalu.

_____

LIVEWORKSHEETS